

MCIS INSURANCE BERHAD (435518-U)

Head Office:  
Wisma MCIS, Jalan Barat,  
46200 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia

Postal Office:  
P.O. Box 345, Jalan Sultan,  
46916 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia

T +603 7652 3388  
F +603 7957 1562  
E [customerservice@mcis.my](mailto:customerservice@mcis.my)  
W [www.mcis.my](http://www.mcis.my)



---

---

# MyTenang

---

---

## IMPORTANT NOTICE

This is Our MyTenang Policy. Please read this Policy carefully together with the Schedule of Benefits to ensure that You understand the terms and conditions and that the Cover You require is being provided. If You have any question after reading this document, please contact Your insurance advisor or MCIS Insurance Berhad. If there is any change in Your circumstances that may affect the insurance provided, please notify Us immediately, otherwise You may not receive the full benefits of this Policy.

If, for any reason, You are unhappy with the service You have received from Us, You can take the following steps:-

1. In the first instance, please write to Our Customer Service Department at Our current address. Alternatively, You can e-mail Us at: [customerservice@mcis.my](mailto:customerservice@mcis.my)
2. If You are still not satisfied with the way any issue has been handled You can:
  - (a) refer matters concerning claims to:  
Ombudsman for Financial Services - Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur. Tel: (603) 2272 2811 Fax: (603) 2272 1577
  - (b) submit Your complaints/ feedback at Laman Informasi, Nasihat dan Khidmat (LINK), Bank Negara Malaysia; or call BNMTELELINK at 1-300-88-5465; or fax to 03-2174 1515; or e-mail to [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my); or send letter to P.O Box 10922, 50929 Kuala Lumpur

---

This Policy is issued in consideration of the payment of premium as specified in the Policy Schedule and pursuant to the answers given in Your Proposal Form (or when You applied for this insurance) and any other disclosures made by You between the time of submission of Your Proposal Form (or when You applied for this insurance) and the time this contract is entered into. The answers and any other disclosures given by You shall form part of this contract of insurance between You and Us. However, in the event of any pre-contractual misrepresentation made in relation to Your answers or in any disclosures given by You, the remedies available to You will be as provided in Schedule 9 of the Financial Services Act 2013 will apply.

This Policy reflects the terms and conditions of the contract of insurance as agreed between You and Us. We reserve the right to amend the terms and conditions of this Policy by giving You thirty (30) days' prior notification via email or SMS notification (if a valid email address was not provided at enrolment).

### **Benefit 1 – Non Accidental Death Benefit (Worldwide Coverage)**

On the death of the Life Assured due to non-accidental causes while the Policy is in-force and after the waiting period, We will pay the Non-Accidental Death Benefit as stated in the Schedule of Benefits. No benefits will be paid for non-accidental death during the waiting period of 60 days.

### **Benefit 2 – Accidental Death Benefit (Worldwide Coverage)**

If the death of the Life Assured was due to accidental causes, We will pay the Accidental Death Benefit, as stated in the Schedule of Benefits.

---

## **GENERAL POLICY DEFINITIONS**

Any word or expression, which has a specific meaning, should have this meaning attached to the word or expression found in the Policy and/or Schedule of Benefits.

### **TERMS**

#### **1. Cover(s)/ Coverage**

### **MEANING**

means the extent of insurance protection afforded by this Policy.

#### **2. Waiting Period**

means the first sixty (60) days from the date of Policy inception.

- 3. Grace Period** means an additional period of time after the due date of premium during which payment may be made without penalty while keeping the policy in force
- 4. Policy** This document is considered the policy.
- 5. Premium** means the specified amount of payment required periodically by Us to provide Coverage under this Policy for the Benefits specified in the Schedule of Benefits.
- 6. Schedule of Benefits** means the list of Benefits and Sum Insured.
- 7. Sum Insured** means the amount specified against each of the Benefits as stipulated in the Schedule of Benefits which is the maximum amount We will pay in the event of claim(s).
- 8. Unlawful Act** refers to any act which is an offence or prohibited by the law or rules of the geographical area in which the act is committed. Unlawful act includes but is not limited to driving motorised vehicle without appropriate valid license, exceeding any stipulated speed limit, driving whilst under the influence of alcohol and generally any non-conformance or breach of the Road Transport Act 1987 or any applicable laws and regulations. Unlawful act also includes any participation in or acting as an accessory to any crime or attempted crime or offence.
- 9. We/Us/Our** means MCIS Insurance Berhad.
- 10. You/Your/Yourself/Insured/Policyholder** means the person(s) named as the Policyholder in the Policy Schedule and to whom this Policy is issued to provide Cover for.

---

#### WHAT IS NOT COVERED (these Exclusions apply throughout Your Policy)

1. Any Unlawful Act or willful exposure to danger (other than in an attempt to save human life), intentional self-Injury, suicide or attempted suicide, while sane or insane.
2. Declared or undeclared war or any act thereof, invasion, act of foreign enemy, hostilities, civil war, rebellion, revolution, insurrection, exercise of military or Usurped power.
3. Riot and civil commotion where You are actively participating.
4. Death due to non-accidental causes that occurs within the waiting period of sixty (60) days. The waiting period does not apply upon the renewal of the policy.

---

#### GENERAL CONDITIONS

##### 1. Condition Precedent to Liability

The due observance and fulfillment of the terms provisions conditions and Endorsements of this Policy in so far as they relate to anything to be done or complied with by the Insured and the truth of the statements and answers in the said Proposal shall be conditions precedent to any liability of the Company to make any payment under this Policy.

##### 2. Misstatement of Age

This Policy is issued at the age shown on the Policy Schedule which is the Life Assured's age at next birthday. If the age or gender was misstated in the Proposal Form, the amount payable and every benefit accruing under the Policy shall be adjusted on the basis of the correct age and gender. If the Life Assured is not eligible for insurance at the correct age, the Company shall refund the premium paid (if any) on this Policy to You. The proof of age of the Life Assured shall be required prior to payment of any benefits under this Policy.

##### 3. Premium payment method

The following facilities are available for payment of premium

- i. Perlindungan Tenang Voucher (for the first year)
- ii. Savings/Current Account (for renewals)
- iii. Credit/Debit Card (for renewals)

##### 4. Obligation for premium payment

Payment - Premiums are to be paid within the grace period. Failure to pay the premium within the grace period will result in termination of policy.

## 5. The Nominee

The policy has a provision for You to appoint nominee(s) persons to receive the policy monies at the time of applying for life assurance or after the Policy is issued. The link to provide nomination will be provided together with this e-policy via email (if a valid email address was provided at enrolment).

## 6. Fraud

You must not act in a fraudulent manner. If You, or anyone acting for You, makes a claim under the Policy knowing the claim to be false or fraudulently inflated in any respect or if any Loss is caused by Your willful act or with Your cooperation We will not pay the claim and all Cover under the Policy will be forfeited.

## 7. Cancellation

We may cancel the Policy by sending 7 days notice by registered letter to You at Your last known address and We will return any proportionate part of the Premium in respect of the unexpired Period of Insurance provided no claims have been made. You may cancel the Policy by giving a written notice to MCIS Insurance Berhad but please be informed there is no surrender value for this product.

## 8. Payment of Benefits

Any benefits payable under this Policy will be paid to the nominee(s) named by You or to Your legal personal representative upon Your death. Payment will be remitted to your nominee(s) bank account.

## 9. Change of Address

In order for Us to update You with the necessary changes of important information or to send You the renewal notices or any Policy related matters, it is requested that You keep Us informed of Your current correspondence address as well as the current address of the nominee(s).

## 10. Duplication of Cover

You are only eligible for one Cover under this policy in any one Period of Insurance. In the event of dual or multiple Cover purchased for the same risk, We reserve the right to pay for claims under any one of the policies and forthwith cancel and refund to You the premium(s) paid in respect of the remaining policy(ies).

## 11. Free-Look Period

If for any reason whatsoever the Insured Person shall decide not to take up the Policy, the Insured Person may do so by notifying Us within fifteen (15) days from the date of Policy inception. We will cancel the policy and the Perlindungan Tenang voucher can be re-used for another Perlindungan Tenang plan.

## 12. Claims Notification

If any event happens which may give rise to a claim, the following documents must be provided to MCIS Insurance Berhad via email or by submitting documents through its branches or representatives:

- Death Claims Form
- Death Certificate
- Life Assured's NRIC copy
- Police Report (for Accidental Death)
- Nominee's NRIC copy
- E-payment Application Form (with nominee's details)

The Death Claims Form & E-Payment Application Form can be obtained from <https://www.mcis.my/Customer-Care/Download-Forms>

Claims will be assessed and paid to the beneficiary within 5 working days of receiving complete documentation. To check on the claim status, please contact MCIS Insurance Berhad:

- Email : [customerservice@mcis.my](mailto:customerservice@mcis.my)
- Hotline : 03-7652 3388 [Monday to Friday – 8:30am to 5:30pm (Excluding public holidays)]

## 13. Renewal

If the Insured reaches the age of 65 next birthday during the Period of Insurance, this Policy will not be renewable at the end of that period.

Policy will be renewable as long as premium is paid, unless the Policy has been cancelled as per condition 7.

You will be informed of the renewal premium becoming due via email or SMS notification, at least thirty (30) days prior to the renewal premium due date.

## 14. Premium rates

Premium amounts are not guaranteed and we reserve the rights to revise the premium payable by giving a thirty (30) days' prior notice, via email or SMS notification (if a valid email address was not provided at enrolment).

**MCIS INSURANCE BERHAD** (435518-U)

Head Office: Wisma MCIS, Jalan Barat,  
46200 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia

Postal Office: P.O. Box 345, Jalan Sultan,  
46916 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia

T +603 7652 3388  
F +603 7957 1562  
E customerservice@mcis.my  
W www.mcis.my

**15. Policy alteration**

No changes on Basic Sum Assured or Premium Payment Frequency are allowed for the existing policy. A new policy will need to be issued for any changes in Basic Sum Assured or Premium Payment Frequency.

**16. Grace Period**

A grace period of thirty (30) days from its due date will be allowed, during which period this Policy shall remain in-force. If any premium remains unpaid at the end of its grace period, the Policy shall lapse.

**17. Non-Participating Policy**

This policy does not participate in the profits of MCIS Insurance Berhad.

---

**Schedule of Benefits/Premium**

Plan	Annual Premium	Basic Sum Assured	Non-Accidental Death Benefit	Accidental Death Benefit
A	RM50	RM5,000	RM5,000	RM25,000
B	RM75	RM10,000	RM10,000	RM30,000

**This policy covers:**

<b>Non-Accidental Death Benefit</b>	100% of the Basic Sum Assured payable, upon death of the life assured due to non-accidental causes (subject to the waiting period of 60 days).
<b>Accidental Death Benefit</b>	Benefit payable upon death of the life assured due to accidental causes as per the table above.

---

---

# MyTenang

---

---

## NOTIS PENTING

Polisi ini merupakan Polisi MyTenang Kami. Sila baca Polisi ini dengan teliti bersama Jadual Manfaat untuk memastikan Anda memahami terma dan syarat dan bahawa Perlindungan yang Anda perlu disediakan. Jika Anda mempunyai apa-apa soalan selepas membaca dokumen ini, sila hubungi penasihat insurans Anda atau MCIS Insurance Berhad. Jika terdapat apa-apa perubahan dalam keadaan Anda yang mungkin mempengaruhi insurans yang disediakan, sila maklumkan kepada Kami dengan serta-merta, jika tidak Anda mungkin tidak mendapat manfaat penuh Polisi ini.

Jika, atas apa jua sebab, Anda tidak puas hati dengan perkhidmatan yang Anda terima daripada Kami, Anda boleh mengambil langkah-langkah berikut:-

1. Pertama sekali, Anda boleh menulis surat kepada Jabatan Perkhidmatan Pelanggan di alamat semasa Kami. Selain daripada itu, Anda boleh menghantar e-mel kepada Kami di: [customerservice@mcis.my](mailto:customerservice@mcis.my)
2. Jika Anda masih tidak berpuas hati dengan cara sebarang isu dikendalikan, Anda boleh:
  - (a) merujuk perkara berkaitan tuntutan kepada:  
Ombudsman Perkhidmatan Kewangan - Aras 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4,  
Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur. Tel: (603) 2272 2811 Faks: (603) 2272 1577
  - (b) mengemukakan aduan / maklum balas anda di Laman Informasi, Nasihat dan Khidmat (LINK), Bank Negara Malaysia; atau telefon BNMTELELINK di 1-300-88-5465; atau faks ke 03-2174 1515; atau e-mel ke [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my); atau hantar surat ke peti surat 10922, 50929 Kuala Lumpur

---

Polisi ini dikeluarkan sebagai pertimbangan untuk pembayaran premium seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi dan menurut jawapan yang diberikan di dalam Borang Cadangan Anda (atau apabila Anda memohon untuk insurans ini) dan sebarang pendedahan lain yang Anda buat antara masa penghantaran Borang Cadangan Anda (atau apabila Anda memohon untuk insurans ini) dan masa kontrak ini dibuat. Jawapan dan sebarang pendedahan lain yang Anda berikan hendaklah membentuk sebahagian daripada kontrak insurans antara Anda dan Kami. Bagaimanapun, sekiranya berlaku salah nyata prakontrak yang dibuat berhubung dengan jawapan Anda atau dalam sebarang pendedahan yang Anda berikan, remedi untuk Anda seperti yang diperuntukkan di dalam Jadual 9, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan diguna pakai.

Polisi ini mewakili terma dan syarat kontrak insurans seperti yang dipersetujui antara Anda dan Kami. Kami berhak untuk meminda terma dan syarat Polisi ini dengan memberikan notis tiga puluh (30) hari kepada Anda terlebih dahulu menerusi e-mel atau pemberitahuan SMS (jika alamat e-mel sah tidak diberikan semasa pendaftaran).

### **Manfaat 1 – Manfaat Kematian Bukan Akibat Kemalangan (Perlindungan Sedunia)**

Jika berlaku kematian Hayat Diinsuranskan bukan akibat kemalangan semasa Polisi berkuat kuasa dan selepas tempoh menunggu, Kami akan membayar Manfaat Kematian Bukan Akibat Kemalangan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat. Tiada manfaat akan dibayar bagi kematian bukan akibat kemalangan dalam tempoh menunggu 60 hari.

### **Manfaat 2 – Manfaat Kematian Akibat Kemalangan (Perlindungan Sedunia)**

Jika kematian Hayat Diinsuranskan akibat kemalangan, Kami akan membayar Manfaat Kematian Akibat Kemalangan, seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

---

## **DEFINISI POLISI AM**

Mana-mana perkataan atau pernyataan yang mempunyai maksud khusus, hendaklah membawa maksud yang diberikan kepada perkataan atau pernyataan yang ditemui di dalam Polisi dan/atau Jadual Manfaat.

### **ISTILAH**

#### **1. Perlindungan/Liputan**

### **MAKSUD**

Bermaksud sejauh mana perlindungan insurans diberikan di bawah Polisi ini

- |  |  |
|--|--|
| <b>2. Tempoh Menunggu</b>                            | Bermaksud enam puluh (60) hari pertama dari tarikh permulaan Polisi.   |
| <b>3. Tempoh Tangguh</b>                             | Bermaksud jangka masa tambahan selepas tarikh kena bayar premium di mana bayaran boleh dibuat tanpa sebarang denda sambil memastikan polisi terus berkuat kuasa  |
| <b>4. Polisi</b>                                     | Dokumen ini dianggap sebagai polisi.   |
| <b>5. Premium</b>                                    | bermaksud jumlah bayaran khusus yang diperlukan secara berkala oleh Kami untuk memberikan Perlindungan di bawah Polisi ini bagi Manfaat yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.   |
| <b>6. Jadual Manfaat</b>                             | bermaksud senarai Manfaat dan Jumlah Diinsuranskan.  |
| <b>7. Jumlah Diinsuranskan</b>                       | bermaksud jumlah yang ditetapkan bagi setiap Manfaat seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat yang merupakan jumlah maksimum yang Kami akan bayar sekiranya timbul tuntutan.  |
| <b>8. Perbuatan Menyalahi Undang-undang</b>          | merujuk kepada sebarang perbuatan yang merupakan kesalahan atau yang dilarang di bawah undang-undang atau peraturan kawasan geografi di mana perbuatan tersebut dilakukan. Perbuatan menyalahi undang-undang tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada memandu kenderaan bermotor tanpa lesen memandu sah, melebihi sebarang had kelajuan yang ditetapkan, memandu semasa berada di bawah pengaruh alkohol dan umumnya sebarang ketidakpatuhan atau pelanggaran Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau mana-mana undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Perbuatan menyalahi undang-undang juga termasuk sebarang penyertaan dalam atau bertindak sebagai peserta dalam apa-apa jenayah atau percubaan melakukan jenayah atau kesalahan. |
| <b>9. Kami</b>                                       | bermaksud MCIS Insurance Berhad.   |
| <b>10. Anda/Pihak Diinsuranskan/ Pemegang Polisi</b> | bermaksud orang yang dinamakan sebagai Pemegang Polisi di dalam Jadual Polisi dan yang mana Polisi ini dikeluarkan untuk memberikan Perlindungan kepadanya.  |

---

#### APA YANG TIDAK DILINDUNGI (Pengecualian ini berkuat kuasa di seluruh Polisi Anda)

- Sebarang Perbuatan Menyalahi Undang-Undang atau pendedahan sengaja kepada bahaya (selain daripada percubaan menyelamatkan nyawa manusia), kecederaan disengajakan, bunuh diri, percubaan bunuh diri, sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman.
- Peperangan diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, atau sebarang tindakan melakukannya, penaklukan, tindakan musuh asing, permusuhan, perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, pelaksanaan kuasa tentera atau Rampasan Kuasa.
- Rusuhan dan kekacauan awam di mana Anda memainkan peranan aktif di dalamnya.
- Kematian yang bukan berpunca daripada kemalangan yang berlaku dalam tempoh menunggu (60) hari. Tempoh menunggu tidak berkuat kuasa semasa pembaharuan polisi.

---

#### SYARAT-SYARAT AM

##### 1. Syarat-syarat Sebelum Liabiliti Diterima

Pematuhan dan pelaksanaan terma dan syarat dan Pengendorsan Polisi ini setakat yang berkaitan dengan apa-apa yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Pihak Diinsuranskan dan kebenaran kenyataan dan jawapan di dalam Cadangan tersebut hendaklah menjadi syarat sebelum sebarang liabiliti diterima oleh Syarikat untuk membuat apa-apa bayaran di bawah Polisi ini.

##### 2. Salah Nyata Umur

Polisi ini dikeluarkan pada umur yang ditunjukkan di dalam Jadual Polisi yang merupakan umur Hayat Diinsuranskan pada hari jadi seterusnya. Jika umur atau jantina disalah nyata di dalam Borang Cadangan, jumlah perlu dibayar dan semua manfaat yang terakru di bawah Polisi akan dilaraskan mengikut umur dan jantina yang betul. Jika Hayat Diinsuranskan tidak layak untuk insurans pada umur yang betul, Syarikat akan membayar balik premium yang telah dibayar bagi Polisi ini kepada Anda. Bukti Umur Hayat Diinsuranskan diperlukan sebelum pembayaran sebarang manfaat di bawah Polisi ini.

##### 3. Kaedah pembayaran premium

Kemudahan berikut disediakan untuk pembayaran premium

- Baucar Perlindungan Tenang (untuk tahun pertama)
- Akaun Simpanan/Semasa (untuk pembaharuan)
- Kad Kredit/Debit (untuk pembaharuan)

#### 4. Kewajipan pembayaran premium

Pembayaran - Premium hendaklah dibayar dalam tempoh tangguh. Kegagalan membayar premium dalam tempoh tangguh akan menyebabkan penamatan polisi.

#### 5. Penama

Polisi ini mempunyai peruntukan untuk Anda mencalonkan penama(-penama) untuk menerima wang polisi semasa permohonan insurans hayat atau selepas Polisi dikeluarkan. Pautan untuk membuat penamaan akan diberikan Bersama dengan e-polisi ini menerusi e-mel (jika alamat e-mel sah diberikan semasa pendaftaran).

#### 6. Penipuan

Anda tidak boleh melakukan penipuan. Jika Anda, atau sesiapa yang bertindak bagi pihak Anda, membuat tuntutan di bawah Polisi dengan pengetahuan bahawa tuntutan tersebut palsu atau sengaja dibesarkan dengan apa jua cara atau jika sebarang Kerugian disebabkan oleh perbuatan sengaja Anda atau dengan kerjasama Anda, Kami tidak akan membayar tuntutan dan semua Perlindungan di bawah Polisi akan dibatalkan.

#### 7. Pembatalan

Kami boleh membatalkan Polisi dengan menghantar notis 7 hari melalui surat berdaftar kepada Anda di alamat terakhir Anda yang diketahui. Kami akan memulangkan mana-mana bahagian Premium yang bersekadar dengan Tempoh Insurans belum luput dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat. Anda boleh membatalkan Polisi dengan memberikan notis bertulis kepada MCIS Insurance Berhad tetapi sila ambil perhatian bahawa produk ini tiada nilai serahan.

#### 8. Pembayaran Manfaat

Sebarang Manfaat yang perlu dibayar di bawah Polisi ini akan dibayar kepada penama yang Anda calonkan atau kepada wakil peribadi sah Anda apabila Anda meninggal dunia. Bayaran akan dipindahkan kepada akaun bank penama(-penama) anda.

#### 9. Pertukaran Alamat

Untuk membolehkan Kami memaklumkan kepada Anda perubahan maklumat penting atau menghantar kepada Anda notis pembaharuan atau apa-apa hal berkaitan Polisi, Anda diminta memaklumkan kepada Kami alamat surat-menyurat terkini Anda dan juga alamat terkini penama.

#### 10. Penuaan Perlindungan

Anda hanya layak untuk mendapatkan satu Perlindungan di bawah polisi ini dalam mana-mana satu Tempoh Insurans. Sekiranya terdapat dua atau berbilang Perlindungan yang dibeli untuk risiko yang sama, Kami berhak untuk membayar untuk tuntutan di bawah mana-mana satu polisi dan seterusnya membatalkan dan memulangkan kepada Anda premium yang telah dibayar bagi polisi lain.

#### 11. Tempoh Bertenang

Jika atas apa jua sebab, Orang Diinsuranskan membuat keputusan untuk tidak mengambil Polisi, Orang Diinsuranskan boleh berbuat demikian dengan memaklumkan kepada Kami dalam masa lima belas (15) hari dari tarikh permulaan Polisi. Kami akan membatalkan polisi dan baucar Perlindungan Tenang boleh digunakan semula untuk satu lagi pelan Perlindungan Tenang.

#### 12. Pemberitahuan Tuntutan

Jika apa-apa kejadian berlaku yang mungkin menimbulkan tuntutan, dokumen berikut mesti diserahkan kepada MCIS Insurance Berhad menerusi emel atau dengan menghantar dokumen ke cawangan atau wakilnya:

- Borang Tuntutan Kematian
- Sijil Kematian
- Salinan KP Hayat Diinsuranskan
- Laporan Polis (untuk Kematian Akibat Kemalangan)
- Salinan Kad Pengenalan Penama
- Borang Permohonan e-Bayaran (dengan butiran penama)

Borang Tuntutan Kematian & Borang Permohonan E-Bayaran boleh diperolehi daripada <https://www.mcis.my/Customer-Care/Download-Forms>

Tuntutan akan dinilai dan dibayar kepada penerima dalam masa 5 hari kerja selepas menerima dokumentasi lengkap. Untuk menyemak status tuntutan, sila hubungi MCIS Insurance Berhad:

- E-mel : [customerservice@mcis.my](mailto:customerservice@mcis.my)
- Talian Khas : 03-7652 3388 [Isnin hingga Jumaat – 8:30pg hingga 5:30ptg (Kecuali cuti umum)]

#### 13. Pembaharuan

Jika Pihak Diinsuranskan mencapai umur 65 tahun pada hari jadi seterusnya dalam Tempoh Insurans, Polisi ini tidak boleh diperbaharui pada akhir tempoh tersebut.

Polisi boleh diperbaharui selagi premium dibayar, melainkan Polisi dibatalkan menurut syarat 7.

**MCIS INSURANCE BERHAD** (435518-U)

Head Office: Wisma MCIS, Jalan Barat,  
46200 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia

Postal Office: P.O. Box 345, Jalan Sultan,  
46916 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia

T +603 7652 3388  
F +603 7957 1562  
E customerservice@mcis.my  
W www.mcis.my



Anda akan dimaklumkan tentang tarikh kena bayar premium pembaharuan menerusi pemberitahuan e-mel atau SMS, sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum tarikh kena bayar premium pembaharuan.

**14. Kadar premium**

Jumlah premium tidak dijamin dan kami berhak untuk menyemak semula premium yang perlu dibayar dengan memberikan notis tiga puluh (30) hari terlebih dahulu, menerusi e-mel atau pemberitahuan SMS (jika alamat e-mel sah tidak diberikan semasa pendaftaran).

**15. Perubahan polisi**

Tiada perubahan Jumlah Asas Diinsuranskan atau Kekerapan Pembayaran Premium dibenarkan bagi polisi sedia ada. Polisi baharu perlu dikeluarkan untuk membuat sebarang perubahan Jumlah Asas Diinsuranskan atau Kekerapan Pembayaran Premium.

**16. Tempoh Tangguh**

Tempoh tangguh tiga puluh (30) hari dari tarikh kena bayar dibenarkan, dan dalam tempoh tersebut Polisi ini akan terus berkuat kuasa. Jika sebarang premium masih tidak berbayar pada akhir tempoh tangguh, Polisi ini akan luput.

**17. Polisi Tanpa Penyertaan**

Polisi ini tidak menyertai keuntungan MCIS Insurance Berhad.

**Jadual Manfaat/Premium**

Pelan	Premium Tahunan	Jumlah Asas Diinsuranskan	Manfaat Kematian Bukan Akibat Kemalangan	Manfaat Kematian Akibat Kemalangan
A	RM50	RM5,000	RM5,000	RM25,000
B	RM75	RM10,000	RM10,000	RM30,000

**Polisi ini melindungi:**

<b>Manfaat Kematian Bukan Akibat Kemalangan</b>	100% Jumlah Asas Diinsuranskan perlu dibayar, apabila berlaku kematian hayat diinsuranskan bukan akibat kemalangan (tertakluk kepada tempoh menunggu 60 hari).
<b>Manfaat Kematian Akibat Kemalangan</b>	Manfaat yang dibayar apabila berlaku kematian hayat diinsuranskan akibat kemalangan adalah mengikut jadual diatas.